



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PEKELILING KHAS NAIB CANSOLOR

Tarikh: 27 Ogos 2015

BIL. 1 TAHUN 2015

Ruj: UMS/NC1.1/100-1/7/1

### LARANGAN PENGLIBATAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) DALAM PERHIMPUNAN HARAM

Adalah dimaklumkan bahawa, sejak akhir-akhir ini terdapat pihak-pihak tertentu yang menganjurkan perhimpunan haram tanpa kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa yang dikhuatiri boleh menjejaskan ketenteraman awam dan menggugat keselamatan negara.

2. Sehubungan dengan itu, semua pelajar UMS adalah dinasihatkan agar tidak terlibat dengan sebarang perhimpunan haram atau sebarang gerakan yang boleh mengancam keselamatan negara dan apa jua aktiviti yang melanggar undang-undang negara sama ada sebagai peserta mahu pun penganjur perhimpunan.

3. Sekiranya cukup bukti menunjukkan terdapatnya pelajar yang terlibat dalam kegiatan tersebut, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mereka berdasarkan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERTEKAD CEMERLANG”**

Yang ikhtias,

**PROFESOR DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pemangku Pendaftar
  - Pemangku Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Dekan-Dekan Fakulti
  - Pengarah-Pengarah Institut
  - Ketua-Ketua Jabatan/Pusat/Unit
  - Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)